



Permohonan adalah dipelawa daripada warga negara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil. Iklan Pustaka/05/2022 (1)

1. Skim Perkhidmatan : **Penolong Juruaudit, Gred W29
(1 Kekosongan – Kuching)**
- Taraf Jawatan : Jawatan Berasaskan Caruman (JBC)
Kumpulan Perkhidmatan : Kewangan
Klasifikasi Perkhidmatan : Pelaksana
Jadual Gaji : W29 RM 1,498.00 - RM 5,678.00
(Minimum) (Maksimum)

Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG JURUAUDIT GRED W29

- (c) i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92);

- ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92);

- iii) diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08); atau

- iv) Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang pentadbiran kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM2,001.68).

DAN

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Cara Memohon:

1. Semua permohonan hendaklah dikemukakan SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) melalui laman web berikut:

www.pustaka-sarawak.com/recruitment

2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan.
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan, diimbis dan dimuatnaik melalui sistem e-recruitment Pustaka nanti. Muatnaik adalah terhad kepada 2 lampiran sahaja. Contoh: Sekiranya jawatan memerlukan lulusan SPM, maka salinan sijil SPM hendaklah dimuatnaik.
4. Hanya pemohon yang berjaya untuk ditemuduga sahaja akan dimaklumkan melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS).
5. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas/jawapan dalam tempoh 3-6 bulan dari tarikh iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
6. Tarikh tutup iklan adalah pada **30 Disember 2022 (Jumaat)**.